



KEMENTERIAN  
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

## **KKDW SERAH BANTUAN DAN KEMUDAHAN KEWANGAN BERJUMLAH RM48 JUTA**

---

**Gua Musang, 23 Julai** – Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, KKDW memperuntukkan lebih RM 48 juta yang memanfaatkan 32,022 penerima pada program Sentuhan Kasih Desa Negeri Kelantan hari ini.

Bantuan dan kemudahan kewangan berkenaan adalah di bawah program yang dilaksanakan oleh kementerian itu.

Antara bantuan dan kemudahan yang diperuntukkan adalah daripada Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan KESEDAR menerusi penyerahan Bantuan Program Keusahawanan bagi Program Industri Kotej Bersepadu (IKB), Program Integpreneur Belia KESEDAR, Program Peningkatan Kualiti Produk dan Program Kelestarian Usahawan kepada 480 penerima berjumlah RM 2,800,000.

Manakala 160 penerima di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) KESEDAR berjumlah RM 3,981,000.

Jabatan Kemajuan Masyarakat KEMAS pula memperuntukkan sebanyak RM 2,250,000 bagi Projek Bina Baru - TABIKA KEMAS Berkembar Gual Ipoh, Tanah Merah dan Taska KEMAS Sri Sentosa Selinsing, Pasir Puteh Kelantan.

184 usahawan menerima Bantuan Pembiayaan Perniagaan Majlis Amanah Rakyat MARA dengan peruntukan berjumlah RM 14,030,600.

Jabatan Kemajuan Orang Asli JAKOA menyediakan RM 1,362,750.00 kepada 668 penerima Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli Negeri Kelantan dan Terengganu. Selain itu, turut diberikan Saguhati One-Off kepada Penghulu Orang Asli, Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli Negeri Kelantan Tahun 2023 yang berjumlah RM64,000 yang memberi manfaat kepada 86 orang.

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, RISDA pula menerusi Bantuan Keseluruhan Program Pembangunan RISDA Negeri Kelantan kepada 30,216 orang penerima berjumlah RM 21,765,489.00 bagi tempoh Januari sehingga Julai 2023 .

Di samping itu, KKDW melalui agensi KESEDAR, FELCRA dan GIATMARA juga tidak ketinggalan menerusi Program Peningkatan Pendapatan (PPP) Negeri Kelantan menyerah bantuan kepada 228 orang penerima berjumlah RM 2,145,219.00 bagi tempoh sehingga Julai 2023.

Replika cek bantuan diserahkan kepada penerima oleh Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim yang diiringi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KKDW Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Hadir sama Timbalan Menteri KKDW Datuk Hajah Rubiah Wang, Ketua Setiausaha KKDW Dato' Sri Ramlan Harun, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Dato' Kaya Setia Haji Nazran Muhammad dan Pengerusi KESEDAR Datuk Zawawi Othman.

Program Sentuhan Kasih Desa @Kelantan bertujuan mengeratkan hubungan antara pemimpin dan masyarakat melalui program, inisiatif dan bantuan langsung kepada masyarakat untuk mewujudkan kesejahteraan yang lebih baik bagi seluruh komuniti luar bandar dan mengurangi kesenjangan sosial.

Program tiga hari mulai 22-24 Julai 2023 di Dataran KESEDAR Paloh 2, Gua Musang, Kelantan ini melibatkan agensi di bawah KKDW iaitu Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), FELCRA Berhad, dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), serta Pejabat KKDW Negeri Kelantan.

Selain aktiviti kemasyarakatan, Program Sentuhan Kasih Desa @ Kelantan turut menyediakan ruang kepada 100 usahawan luar bandar yang terdiri daripada pelbagai kategori perniagaan seperti makanan dan minuman, pakaian, kosmetik, kesihatan, kraftangan dan produk pertanian.

Program ini juga menyasarkan penyertaan bahagian-bahagian dari Kementerian dan agensi yang menyediakan program pengukuhan keusahawanan dan pembiayaan kewangan kepada usahawan luar bandar.

Selain pameran agensi serta rakan strategik program Jom Kahwin antara tarikan utama yang menggalakkan pasangan muda berkahwin selain membantu pasangan pengantin yang berpendapatan bawah RM4,850.00 agar terlepas dari bebanan hutang untuk menganjurkan majlis perkahwinan.

Untuk itu, KEMAS memperuntukan sebanyak RM42,000 bagi pelaksanaan program Jom Kahwin

ini yang melibatkan perbelanjaan set busana pengantin, solekan, pelamin, jamuan dan jurugambar.

Setiap pasangan yang menyertai program Jom Kahwin akan menerima khidmat nasihat pengurusan keluarga dari konsultan bertauliah yang dibiaya sepenuhnya oleh KEMAS.

Pelaksanaan Program Jom Kahwin pada program Sentuhan Kasih Desa Madani@Negeri Kelantan ini, melibatkan 20 pasangan yang mewakili 15 pasangan Melayu dan lima pasangan Orang Asli.

Turut diadakan program wacana ilmu-Wanita Inspirasiku (WINS) - “Wanita Desa ke Global” yang menjadi platform menghimpunkan peserta kelas-kelas kemahiran di bawah bimbingan KEMAS khususnya golongan wanita memperoleh inspirasi dan motivasi dari usahawan berjaya di negara ini yang berkongsi pengalaman serta membuka ruang serta peluang bagi menambah pendapatan isirumah.

14 siri program WINS dilaksanakan di setiap negeri melibatkan kos berjumlah RM840,000 yang menasarkkan seramai 5,000 peserta yang akan menerima manfaat daripada pelaksanaan program ini.

-TAMAT-

Disediakan Oleh

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah**  
**23 Julai 2023**

